

18/07/2001

Dr Siti Zaharah Sulaiman

DUNGUN, Selasa - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, akan menjadikan majlis perundingan masyarakat yang dianggotai oleh golongan profesional dan berpengalaman, sebagai pakar rujuk dalam menangani masalah sosial.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pandangan daripada golongan itu lebih berkesan dan tepat untuk dijadikan panduan bagi menjayakan institusi masyarakat.

Beliau berkata, tokoh berpengalaman seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai contoh, dapat memandang 20 tahun akan datang bentuk generasi yang dilahirkan berasaskan kepada yang berlaku hari ini.

"Majlis perundingan yang dirancang berpaksikan pembentukan rohaniah masyarakat berasaskan budaya dan sistem kehidupan masyarakat," katanya selepas merasmikan Rumah Ehsan Bandar Al-Muktafiyillah Shah, dekat sini hari ini.

(END)